



Program Publisiti dan Penyertaan Awam
Secara Serentak Lima (5) Draf

Rancangan Tempatan Negeri Selangor



Majlis Perasmian **Program Publisiti dan Penyertaan Awam Secara Serentak Bagi Lima (5) Draf Rancangan Tempatan Negeri Selangor** telah diadakan di Majlis Perbandaran Ampang Jaya pada 3 November 2009 dan telah dirasmikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid b. Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor.

....bersambung ke mukasurat 6>>

Keahlian Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor TAHUN - 2010

DITUBUHKAN DIBAWAH SEKSYEN 4 AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)



1. **Pengerusi**
YAB. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid b. Ibrahim
Dato' Menteri Besar
2. **Timbalan Pengerusi**
YB. Tuan Iskandar b. A. Samad
EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan
3. **Ahli**
YB. Dato' Ramli b. Mahmud
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
4. **Ahli**
YB. Datuk Paduka Zauyah Be bt. T. Loth Khan
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor
5. **Ahli**
YB. Dato' Mohd. Arif b. Abd. Rahman
Pegawai Kewangan Negeri Selangor
6. **Ahli**
YB. Dato' Dr. Hassan b. Mohamed Ali
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur & Kemudahan Awam
7. **Ahli**
YB. Tuan Yaakob b. Sapari
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam & Pembangunan Sumber Alam

8. **Ahli**
YB. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kajian & Penyelidikan
9. **Ahli**
YB. Puan Wong Keat Ping @ Elizabeth Wong
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar
10. **Ahli**
Y.Bhg. Dato' Noordin b. Sulaiman
Pengaroh (TSUKPembangunan) Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
11. **Ahli**
Y.Bhg. Dato' Abd. Nasir b. Hasan
Pengaroh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor
12. **Ahli**
Y. Bhg. Tuan Ir. Kamil Puat b. Nil
Pengaroh Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor
13. **Ahli**
Y.Bhg. Tuan Hj. Abdul Ghani b. Salleh
Pengaroh Pembangunan Negeri Selangor

14. **Ahli**
Y. Bhg. Puan Che Asmah bt. Ibrahim
Pengaroh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
15. **Ahli**
Y. Bhg. Tuan Ir. Mohd. Abdul Nassir b. Bidin
Pengaroh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor
16. **Ahli**
Y. Bhg. Tuan Zakaria b. Mohamad
Pengaroh Jabatan Mineral dan Geosains
17. **Ahli**
Y. Bhg. Tuan Zakaria b. Mohamad Sidek
Pengaroh Pertanian Negeri Selangor
18. **Ahli**
Y. Bhg. Datin Paduka Alinah bt. Hassan
Pengaroh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
19. **Setiausaha**
Y.Bhg. Dato' Mohd. Jaafar b. Mohd Atan
Pengaroh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
20. **Ahli**
Pengaroh Lembaga Urus Air Selangor

● Kandungan

- 1 Program Publisiti dan Penyertaan Awam Secara Serentak Lima (5) Draf Rancangan Tempatan Negeri Selangor
- 2 Perkara-perkara Yang Perlu Diberi Perhatian Oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Negeri Selangor – Mesyuarat JPNS Bil. 1/2009
- 3 Keahlian Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Tahun 2010
- 4 Ucapan Aluan Pengarah
- 5 Pemantapan Pelaksanaan Unit Pusat Setempat (OSC) Di Setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor – Mesyuarat JPNS Bil. 2/2009
- 6 Template Seragam Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci Agensi Teknikal Luaran Untuk Proses Kelulusan Pemajuan Melalui Unit Pusat Setempat (OSC) – Mesyuarat JPNS Bil. 3/2009
- 7 Asas Rujukan Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Daerah Sepang – Mesyuarat JPNS Bil. 3/2009
- 8 Penambahbaikan Urusan Rundingan Bagi Projek-projek Jabatan Kerja Raya (JKR) – Mesyuarat JPNS Bil. 5/2009
- 9 Menimbang Cadangan Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya – Mesyuarat JPNS Bil. 6/2009
- 10 Menimbang Cadangan Penubuhan Kumpulan Wang Perkhidmatan (ISF) Bagi Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya – Mesyuarat JPNS Bil. 6/2009
- 11 Status Pewartaan Tanah Lapang Awam Negeri Selangor Sehingga November 2009 – Mesyuarat JPNS Bil. 6/2009
- 12 Bilangan Kertas Yang Dibentang Ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Tahun 2009
- 13 Takwim Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bagi Tahun 2010
- 14 Senarai Kertas-kertas Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Tahun 2009

● Sidang Pengarang

Penasihat

Y.Bhg. Dato' Mohd. Jaafar bin Mohd. Atan
Pengarah Jabatan Perancangan Bandar
dan Desa Negeri Selangor

Ketua Pengarang

Tn. Hj. Mustaffa Kamal bin Mohd. Ali

Pengarang

En. Mohd. Zainuddin bin. Jumaat
Pn. Suzila bt. Mohammed Suri

Penyumbang Artikel

En. Khairul Nizam bin Othman
Pn. Hairulliza bt. Abdul Rahman
En. Rozuwan bin Ab Ilah

Urusetia

En. Amarakaran a/l Karthigasu
Pn. Eleanor Shidah bt. Kamarul Ariffin

BULETIN RANCANG SELANGOR

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor,
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40646 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-5511 6666

Faks : 03-5511 3557

Laman web: <http://www.jpbdselangor.gov.my>

UCAPAN ALUAN

PENGARAH JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat Allah kerana dengan limpah kurnianya, Buletin Rancang Bil. 1/2010 ini berjaya dihasilkan. Buletin ini diterbitkan selaras dengan Perenggan 4(4)(c), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang telah diperuntukkan sebagai salah satu fungsi Jawatankuasa Perancang Negeri iaitu mengusahakan penyiaran bulletin yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa dan keputusan-keputusan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa.

Buletin Rancang ini adalah salah satu instrumen perancangan yang boleh dijadikan rujukan khas oleh semua pihak-pihak yang berkepentingan. Pada tahun 2010 ini, Jabatan telah mengambil inisiatif untuk menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) keluaran Buletin Rancang termasuk edisi khas.

Sehingga akhir tahun 2009, Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali seperti berikut:

- i. Mesyuarat JPNS Bil. 1/2009 - 17hb Februari 2009;
- ii. Mesyuarat JPNS Bil. 2/2009 - 21hb April 2009;
- iii. Mesyuarat JPNS Bil. 3/2009 - 16hb Jun 2009;
- iv. Mesyuarat JPNS Bil. 4/2009 - 1 hb September 2009;
- v. Mesyuarat JPNS Bil. 5/2009 - 30 Oktober 2009; dan
- vi. Mesyuarat JPNS Bil. 6/2009 - 16hb Disember 2009.

Secara keseluruhannya menepusi enam (6) mesyuarat tersebut, terdapat 53 kertas ringkasan telah dibentangkan yang merangkumi 5 kertas berkaitan dasar/panduan, 14 kertas berkaitan penyediaan Rancangan Pemajuan, 23 kertas berkaitan pengawalan perancangan dan 11 kertas berkaitan arahan/makluman.

Buletin Rancang Bil. 1/2010 ini memuatkan sebanyak lapan (8) artikel yang dipilih dari kertas-kertas Mesyuarat JPNS Bil. 1/2009 – Bil. 6/2009. Sebagai makluman, Jabatan akan menerbitkan Buletin Rancang Bil. 2/2010 Edisi Khas – Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang.

Akhir kata, adalah diharapkan penerbitan buletin ini dapat dijadikan sebagai asas rujukan dan panduan kepada semua pihak yang terlibat. Di kesempatan ini juga, saya dan warga kerja Jabatan mengucapkan 'Selamat Tahun Baru 2010'.

Wassalam.

Dato' Mohd. Jaafar b. Mohd. Atan
Pengaruh,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
Merangkap
Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor.



Rancangan Tempatan (RT) disediakan mengikut Seksyen 12 hingga Seksyen 15, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) yang bertujuan merancang hala tuju pembangunan dan membantu membuat keputusan dengan pantas.

RT yang disediakan merangkumi peta cadangan dan pernyataan bertulis serta disokong oleh garis panduan perancangan. RT ini disediakan sebagai menterjemah dasar yang terkandung didalam Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 (RSN) dan Rancangan Fizikal Negara (RFN) sebagai panduan dan kawalan pembangunan bagi seluruh kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) iaitu Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah bagi kawasan berkenaan.



Penyediaan lima Draf Rancangan Tempatan (DRT) di Negeri Selangor melibatkan kawasan-kawasan berikut:-

- i. DRT Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020;
- ii. DRT Majlis Perbandaran Selangor 2020;
- iii. DRT Majlis Perbandaran Kajang 2020;
- iv. DRT Kuala Langat 2020; dan
- v. DRT Daerah Hulu Selangor 2020.

Selaras dengan peruntukan Akta 172, DRT yang disediakan secara bersama oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Selangor dan JPBD Semenanjung Malaysia ini dikecualikan kepada orang awam untuk dinilai dan pihak awam boleh memberikan cadangan atau pandangan melalui Program Publisiti dan Penyertaan Awam Secara Serentak Bagi Lima (5) Draf Rancangan Tempatan Negeri Selangor yang telah diadakan bermula pada 3 November – 2 Disember 2009.

Majlis Perasmian **Program Publisiti dan Penyertaan Awam Secara Serentak Bagi Lima (5) Draf Rancangan Tempatan Negeri Selangor** telah diadakan di Majlis Perbandaran Ampang Jaya pada 3 November 2009 dan telah dirasmikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid b. Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor.

Laporan lima DRT ini telah dipamerkan kepada orang ramai di JPBD Negeri Selangor dan kelima-lima pejabat Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat. Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini telah dilanjutkan bermula dari 3 Disember 2009 sehingga 31 Disember 2009.

Kesemua cadangan, pandangan, maklum balas atau bantahan mengenai DRT yang dikecualikan akan didengar dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam yang dilantik oleh Jawatankuasa Perancang Negeri. Laporan Siasatan dan Pendengaran Awam ini seterusnya akan dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri untuk persetujuan pewartan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 6/2009 yang telah bersidang pada 16 Disember 2009, telah membuat keputusan untuk **melanjutkan lagi tempoh penerimaan borang bantahan awam / memorandum bagi Program Publisiti dan Penyertaan Awam Secara Serentak Bagi Lima (5) Draf Rancangan Tempatan Negeri Selangor sehingga 31 Januari 2010.**

PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN



Sekitar Meja Persediaan Program Publikiti dan Penyertaan Awam Secara Sarembik Bagi Lima (5) Draf Tempatan Negeri Sebangor



PERKARA-PERKARA YANG PERLU
DIBERI PERHATIAN OLEH

- **PIHAK BERKUASA
PERANCANG
TEMPATAN**

LATAR BELAKANG

Negeri Selangor merupakan salah sebuah negeri yang terawal menerimapakai **Akta A1129** iaitu akta pindaan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, pada 1 Mac 2002. Secara tidak langsung, penerimapakaian Akta pindaan tersebut membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan Akta 172 sepenuhnya bagi seluruh Negeri Selangor.

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.1/2009 yang bersidang pada 17hb. Februari 2009 bersetuju untuk:-

- i. Menetapkan tempoh pematuhan tiga (3) bulan kepada Pemohon untuk mengemukakan pindaan pelan atau dokumen atau apa-apa perkara yang diperlukan bagi maksud merancang;
- ii. Tempoh lanjutan boleh dilanjutkan dengan sekali perlanjutan atau tempoh tiga (3) bulan. Pemohon hendaklah mengemukakan alasan munasabah sebab memerlukan tempoh lanjutan di bawah Subseksyen 21(5), Akta 172;
- iii. Bagi Kebenaran Merancang yang tidak melibatkan sebarang pindaan kepada syarat-syarat bertulis dan rekabentuk pelan susunatur boleh dilanjutkan dengan sekali perlanjutan atau tempoh dua belas bulan tanpa perlu merujuk ke Jabatan-Jabatan Teknikal;
- iv. Bagi Kebenaran Merancang yang tidak terlibat kepada perubahan dasar, garis panduan dan arahan daripada Pihak Berkuasa Negeri dan Jawatankuasa maka Kelulusan Kebenaran Merancang boleh dilanjutkan dengan sekali perlanjutan atau tempoh dua belas (12) bulan tanpa perlu merujuk ke Jabatan-Jabatan Teknikal; dan
- v. Bagi Kebenaran Merancang yang terlibat dengan pindaan atau perubahan dasar, garis panduan dan arahan lama atau baru dari Pihak Berkuasa Negeri dan Jawatankuasa, permohonan tersebut perlulah mematuhi dan dirujuk ke Jabatan-Jabatan Teknikal yang berkaitan terlebih dahulu sebelum perlanjutan Kelulusan Kebenaran Merancang diberi.

PENETAPAN TEMPOH ARAHAN PEMATUHAN

- Subseksyen 21(3), Akta 172 menyatakan bahawa jika Pemajuan itu melibatkan pendirian suatu bangunan, pihak berkuasa perancang tempatan boleh memberikan arahan bertulis kepada pemohon itu berkenaan dengan mana-mana daripada perkara yang berikut iaitu:-

- i) Aras tapak bangunan itu;
- ii) Garisan hadapan dengan bangunan yang berjiran;
- iii) Penaikan bangunan itu;
- iv) Kelas, rekabentuk, dan rupa bangunan itu;
- v) Bahagian belakang bangunan itu ke suatu garisan bangunan;
- vi) Laluan masuk ke tanah yang di atasnya bangunan itu akan didirikan; dan
- vii) Apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bagi maksud perancangan.

- Subseksyen 21(4), Akta 172 memperuntukkan bahawa Pemohon yang diberikan apa-apa arahan bertulis di bawah Subseksyen (3) hendaklah meminda pelan yang dikemukakan dengan permohonannya itu dengan sewajarnya dan mengemukakan semula pelan itu **dalam tempoh atau tempoh lanjutan yang ditentukan** oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.
- Subseksyen 21(4), Akta 172 tidak menyatakan **tempoh tertentu kepada** Pemohon untuk mematuhi apa-apa arahan bertulis yang diberikan di bawah Subseksyen 21(3) bagi tujuan pindaan terhadap pelan atau dokumen yang dikemukakannya semasa permohonan Kebenaran Merancang.
- Subseksyen 21(5), Akta 172 menetapkan bahawa jika pelan itu tidak dikemukakan semula dalam tempoh yang ditentukan atau tempoh yang dilanjutkan itu, permohonan untuk Kebenaran Merancang itu hendaklah disifatkan sebagai telah **ditarik balik** tetapi pemohon itu boleh mengemukakan permohonan baru.


- Subseksyen 21(5), Akta 172 juga **tidak menyatakan tempoh tertentu yang boleh dilanjutkan** oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan kepada Pemohon untuk mengemukakan semula pindaan pelan atau dokumen yang dikemukakan semasa permohonan Kebenaran Merancang.
- Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Antara Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Negeri Selangor pada 2hb Februari 2009 telah bersetuju untuk **menetapkan tempoh pematuhan tiga (3) bulan kepada Pemohon untuk mengemukakan pindaan pelan atau dokumen atau apa-apa perkara yang diperlukan bagi maksud merancang.**
- **Tempoh lanjutan boleh dilanjutkan dengan sekali perlanjutan atau tempoh tiga (3) bulan.** Pemohon hendaklah mengemukakan alasan munasabah sebab memerlukan tempoh lanjutan di bawah Subseksyen 21(5), Akta 172.

- Pengiraan hari bagi tempoh tiga (3) bulan adakah dikira dari **tarikh notis disampaikan** kepada Pemohon mengikut Seksyen 46 Akta 172.
- Sekiranya selepas tempoh tiga (3) bulan, Pemohon masih tidak mengemukakan pindaan pelan atau dokumen yang diperlukan, maka permohonan Kebenaran Merancang tersebut adalah disifatkan telah **ditarik balik** mengikut Subseksyen 21(5), Akta 172. Pemohon boleh mengemukakan permohonan baru.

PENETAPAN KELULUSAN PERLANJUTAN KEBENARAN MERANCANG

- Merujuk kepada subseksyen 24(1), Akta 172 memperuntukkan bahawa suatu Kebenaran Merancang yang diberikan di bawah subseksyen 22(3) hendaklah, melainkan jika dilanjutkan tempohnya, luput dua belas bulan selepas tarikh ia diberikan jika, dalam masa itu, pemajuan belum dimulakan secara yang ditentukan dalam Kebenaran Merancang itu.
- Subseksyen 24(3), Akta 172 mengemukakan bahawa apabila sesuatu permohonan dibuat secara yang ditetapkan sebelum Kebenaran Merancang itu luput untuk dilanjutkan atau dilanjutkan lagi tempoh Kebenaran Merancang, pihak berkuasa perancang tempatan boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, memberi suatu tempoh lanjutan atau tempoh lanjutan tambahan kepada Kebenaran Merancang itu.
- Subseksyen 24(4), Akta 172 menyatakan bahawa suatu Kebenaran Merancang yang dilanjutkan tempohnya di bawah subseksyen (3) hendaklah, melainkan jika dilanjutkan tempohnya lagi, luput dua belas bulan selepas tarikh dilanjutkan tempohnya, jika dalam masa itu, pemajuan belum dimulakan secara yang ditentukan dalam Kebenaran Merancang itu.
- Subseksyen 24(5), Akta 172 memperuntukkan di mana dalam memberikan sesuatu tempoh lanjutan tambahan kepada Kebenaran Merancang di bawah subseksyen (3), pihak berkuasa perancang tempatan boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut olehnya ke atas Kebenaran Merancang itu atau mengubah syarat-syarat yang dikenakan pada asalnya; dan seksyen 23 hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu kepada pengenaan atau perubahan syarat-syarat di bawah seksyen ini sebagaimana ia terpakai bagi pengenaan syarat-syarat di bawah subseksyen 22(3).
- Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Antara Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Negeri Selangor pada 2hb Februari 2009 telah bersetuju untuk menetapkan tatacara Pelaksanaan Perlanjutan Kebenaran Merancang Subseksyen 24(3), Akta 172 bagi Negeri Selangor.





- Bagi Kebenaran Merancang yang **tidak melibatkan sebarang pindaan kepada syarat-syarat bertulis dan rekabentuk pelan susunatur** boleh **dilanjutkan dengan sekali perlanjutan atau tempoh dua belas bulan tanpa perlu merujuk ke Jabatan-Jabatan Teknikal**;
- Bagi Kebenaran Merancang yang tidak terlibat kepada perubahan dasar, garis panduan dan arahan daripada pihakberkuasa negeri dan jawatankuasa maka Kelulusan Kebenaran Merancang boleh dilanjutkan dengan sekali perlanjutan atau tempoh dua belas bulan tanpa perlu merujuk ke Jabatan-Jabatan Teknikal; dan
- Bagi Kebenaran Merancang yang terlibat dengan pindaan atau perubahan dasar, garis panduan dan arahan lama atau baru dari pihakberkuasa negeri dan jawatankuasa, permohonan tersebut perlulah mematuhiinya dan dirujuk ke Jabatan-Jabatan Teknikal yang berkaitan terlebih dahulu sebelum perlanjutan Kelulusan Kebenaran Merancang diberi.



PEMANTAPAN PELAKSANAAN UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) DI SETIAP PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 2/2009 yang bersidang pada 21hb. April 2009 telah bersetuju:-

- i. Melantik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (PPSN) dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) di setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor ;
- ii. Semua Jabatan/Agensi diarahkan untuk mematuhi Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil.6 Tahun 2008: Penambahbaikan Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) seperti di para 3.2.2;
- iii. Semua Jabatan/Agensi diarahkan untuk mengemukakan ulasan bertulis kepada Unit Pusat Setempat pada masa yang telah ditetapkan ;
- iv. WJAS dipersetujui sebagai Ahli Jawatankuasa Unit Pusat Setempat ; dan
- v. Satu pekeliling YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor akan disediakan mengenai perkara i hingga iii.



LATAR BELAKANG

- Penubuhan Unit Pusat Setempat (OSC) telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri, Y.A.B. Tun Abdullah Ahmad Badawi di dalam **Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan: Penambahbaikan Urusan Cadangan Pemajuan Serta Penyenggaraan dan Pengurusan Hartanah** di Sunway Resort Hotel & Spa pada 13-14 April 2007.
- Penubuhan Unit Pusat Setempat (OSC) adalah bermatlamat untuk memendekkan norma masa memproses permohonan secara serentak sekaligus meningkatkan sistem penyampaian, prosedur dan proses cadangan pemajuan di Pihak Berkuasa Tempatan.
- Majlis Bersama Y.B Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 23 Oktober 2007 telah memutuskan bahawa **semua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri telah dipertanggungjawabkan untuk menyelia semua Unit Pusat Setempat di setiap Pihak Berkuasa Tempatan.**
- Pada 8 Disember 2007, Y.A.B Dato' Seri Menteri Besar Selangor **telah bersetuju untuk Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor bertanggungjawab menyelia dan memantau secara berkala Unit-Unit Pusat Setempat di seluruh Negeri Selangor** melalui minit di atas Memo daripada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN bil.IPK.Sel.60434 Jld.20 (60) bertarikh 6 Disember 2007.
- Sehubungan dengan itu, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri selaku Penasihat Utama dan Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor mengikut Subseksyen 4(8), Akta 172 **adalah bertanggungjawab memantau perjalanan semua Unit Pusat Setempat (OSC) di Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor dengan mengadakan perbincangan berkala bagi menyelesaikan isu dan masalah berkaitan pelaksanaan Unit Pusat Setempat (OSC).**
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor bertanggungjawab **mengadakan Mesyuarat Bersama Ketua Unit Pusat Setempat (OSC). Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN merupakan urusetia bersama** di dalam mesyuarat ini.

CADANGAN TAMBAHAN AHLI JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) DI SETIAP PIHAK BERKUASA TEMPATAN

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengarahkan supaya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (PPSN) dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) di setiap Pihak Berkuasa Tempatan.

- ✦ Mesyuarat Bersama Ketua-Ketua Unit Pusat Setempat Bil. 1/2009 bertarikh Mac 2009 telah bersetuju untuk melantik kedua-dua agensi tersebut untuk menjadi Ahli Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) di setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor.

CADANGAN KEAHLIAN DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) DI SETIAP PBT

- ✦ Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil.6 Tahun 2008: Penambahbaikan Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) bertarikh 2hb. September 2008, yang antara kandungannya menyatakan bahawa '*Ahli-ahli mesyuarat daripada Jabatan Teknikal Luaran dan dalaman PBT hendaklah terdiri dari pengarah-pengarah atau pegawai-pegawai yang boleh membuat keputusan semasa mesyuarat di dalam bidang teknikal masing-masing*'.
- ✦ Mesyuarat Bersama Ketua-Ketua Unit Pusat Setempat Bil. 1/2009 bertarikh Mac 2009 telah bersetuju untuk membuat ketetapan seperti berikut:-
 - i. Keahlian Ahli Jawatankuasa Pusat Setempat adalah Pengarah-Pengarah Jabatan/Agensi; dan
 - ii. Sekiranya, Pengarah-Pengarah tidak dapat hadir ke mesyuarat supaya mewakili kepada pegawai-pegawai kanan yang boleh membuat keputusan di dalam mesyuarat

MENGATASI KELEWATAN JABATAN/AGENSI TEKNIKAL LUARAN DAN DALAMAN PBT UNTUK MENGENUKAKAN ULASAN BERTULIS

- ✦ Masalah kelewatan Agensi/Jabatan Teknikal Luaran dan Dalaman PBT mengemukakan ulasan bertulis telah menjejaskan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Unit Pusat Setempat.
- ✦ Mesyuarat Bersama Ketua Unit Pusat Setempat (OSC) Bil. 1/2009 bertarikh 27hb. Mac 2009 telah bersetuju:
 - i. Semua Agensi/Jabatan Teknikal Luaran dan Dalaman supaya mengambil perhatian untuk mengemukakan ulasan bertulis dengan kadar segera.
 - ii. Penggunaan borang secara bertulis diedar semasa mesyuarat bagi Jabatan/Agensi Teknikal memberi ulasan di dalam mesyuarat.





TEMPLATE SERAGAM

● SENARAI SEMAK DOKUMEN DAN SENARAI SEMAK TERPERINCI

AGensi TEKNIKAL LUARAN UNTUK PROSES KELULUSAN
PEMAJUAN MELALUI UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

Jawatankuasa Perancang
Negeri Selangor Bil.3/2009
yang bersidang pada 16hb. Jun
2009 telah mengambil maklum
mengenai pemakaian Template
Seragam Senarai Semak
Dokumen Dan Senarai Semak
Terperinci Agensi Teknikal Luaran
Untuk Proses Kelulusan Pemasukan
Melalui Unit Pusat Setempat
(OSC).

LATAR BELAKANG


OSC telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri, Y.A.B. Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 13 April 2007. Penubuhan OSC di PBT bertujuan untuk menyelaraskan dan memendekkan proses dan prosedur permohonan cadangan pemasukan di mana pertimbangan untuk kelulusan dibuat oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar ataupun Yang DiPertua PBT serta dianggotai oleh 4 orang Ahli Majlis dan pegawai daripada jabatan teknikal yang berkaitan.

Bagi memastikan OSC berjalan lancar dan berkesan, buku panduan yang menerangkan tentang tatacara pelaksanaan OSC turut diedarkan kepada semua PBN, PBT, jabatan-jabatan teknikal, pertubuhan-pertubuhan profesional serta badan bukan kerajaan (NGO).

Bagi menyokong dan memperkemas lagi fungsi OSC, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan **Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 5 Tahun 2009 bertariikh 6 Mei 2009: Template Seragam Senarai Semak Dokumen Dan Senarai Semak Terperinci Agensi Teknikal Luaran** sebagai satu lagi langkah untuk menambahbaik pelaksanaan OSC di PBT.

TUJUAN PEMAKAIAN TEMPLATE SERAGAM SENARAI SEMAK DOKUMEN DAN SENARAI SEMAK TERPERINCI AGENSI TEKNIKAL LUARAN

- 1** Menyelaras dan menyeragamkan senarai semak dokumen dan senarai semak kepatuhan (*'compliance check'*) bagi Agensi Teknikal Luaran agar urusan mengemukakan permohonan dan pendaftaran permohonan di OSC lebih mudah; dan
- 2** Mempertingkatkan ketelusan dan *'full disclosure'* agar pemohon dapat menyediakan setiap dokumen permohonan cadangan pemajuan mengikut keperluan yang telah ditetapkan oleh Agensi Teknikal Luaran.



Pemakaian *'template'* ini adalah merujuk kepada permohonan-permohonan baru pembangunan tanah (124A dan 204D di bawah Kanun Tanah Negara) Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Pelan Kejuruteraan serta permohonan mana-mana kombinasi di antaranya yang dikemukakan kepada OSC mulai 1 Julai 2009.

Sebarang penambahbaikan dan pembaharuan kepada *template* ini oleh Agensi Teknikal Luaran perlu dimaklumkan kepada KPKT untuk tujuan penyeragaman sebelum ianya diedar kepada PBT dan penggiat industri binaan.

KANDUNGAN 'TEMPLATE' SERAGAM SENARAI SEMAK DOKUMEN DAN SENARAI SEMAK TERPERINCI AGENSI TEKNIKAL LUARAN

- ✦ Senarai semak penyediaan dokumen permohonan cadangan pemajuan bagi permohonan pembangunan tanah (124A dan 204D di bawah Kanun Tanah Negara), Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Pelan Kejuruteraan oleh pemohon;
- ✦ Senarai semak dokumen bagi permohonan 124A dan 204D, Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Pelan Kejuruteraan di kaunter OSC; dan
- ✦ Senarai semak kepatuhan (*'compliance check'*) bagi permohonan 124A dan 204D, Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Pelan Kejuruteraan oleh Agensi Teknikal Luaran.



ASAS RUJUKAN

• KAJIAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)


LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA
KUALA LUMPUR (KLIA), DAERAH SEPANG

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.3/2009 yang bersidang pada 16hb. Jun 2009 telah bersetuju:-

- i. Cadangan Asas Rujukan Kajian Rancangan Kawasan Khas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Daerah Sepang akan dibiayai oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), manakala Majlis Perbandaran Sepang akan bertindak sebagai Pengurus Projek ;
- ii. Terhadap sempadan kawasan kajian Rancangan Kawasan Khas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA);
- iii. Program Publisiti Awal dan Penyertaan Awam akan diadakan bagi mendapatkan maklumbalas awal daripada pelbagai pihak pada satu tarikh yang akan ditentukan bersama oleh Malaysia Airports Holdings Berhad dan Majlis Perbandaran Sepang; dan
- iv. Menetapkan radius 40km dari sempadan kawasan KLIA tidak dibenarkan sebarang kelulusan premis penternakan burung walit dan burung layang-layang.

LATAR BELAKANG

- Cadangan Penyediaan Rancangan Kawasan Khas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Daerah Sepang adalah susulan **keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) Bil.1/2009 bertarikh 17 Februari 2009** yang telah bersetuju supaya **Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) menyediakan Rancangan Kawasan Khas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)**, Daerah Sepang dengan kos ditanggung oleh pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB);
- Cetusan cadangan penyediaan RKK KLIA tersebut juga adalah susulan semasa terhadap perkembangan Konsep Penerbangan Tambang Murah (*'Low Cost Carrier'*). Perubahan dan penerimaan menggalakkan terhadap konsep penerbangan tambang murah ini telah menunjukkan peningkatan penumpang yang drastik menyebabkan perancangan terhadap pembangunan KLIA perlu dikaji semula;
- Susulan itu juga, Kerajaan Malaysia telah mengarahkan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) membina Projek Pembangunan Terminal Baru Penerbangan Tambang Murah (*LCC*) dan pembinaan landasan ke-3 di bahagian Barat, KLIA, Sepang seperti yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri dalam pakej rangsangan ekonomi ke-2 pada 10 Mac 2009;
- Perubahan terhadap bilangan dan keperluan landasan (*runways*) lapangan terbang daripada lima 5 sistem '*runways*' kepada 4 sistem '*runways*' berdasarkan kepada kajian Pelan Induk KLIA (NAMP) yang dikeluarkan oleh MAHB dengan kerjasama KLIACS (KLIA Consult) dan NACO (Netherlands Airport Consultants) pada Disember 2008. **Cadangan baru orientasi '*runways*' tersebut telah menyebabkan Daerah Kuala Langat menerima impak secara langsung berbanding Daerah Sepang;**
- Dalam masa yang sama, pihak PBT ada menerima maklumbalas daripada Jabatan Perhilitan berhubung perancangan di lapangan terbang yang telah mengesyorkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya **tidak meluluskan lesen bagi pembinaan rumah burung layang-layang dalam radius 40km daripada KLIA**. Ia bertujuan untuk mengurangkan risiko '*Bird Strike*' dan mendedah bahaya kepada pesawat-pesawat;
- Cadangan Asas Rujukan ini telah dibincang bersama pihak JPBD Selangor, JPBD Semenanjung dan Malaysia Airports Holdings Berhad melalui beberapa siri mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Perbandaran Sepang pada 15 Mei 2009 dan 2 Jun 2009.





CADANGAN ASAS RUJUKAN

Asas Rujukan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Daerah Sepang dibentuk bertujuan untuk menyediakan satu pelan induk gunatanah yang bersepadu dan mampan. Kawasan Kajian RKK KLIA terletak di dalam Mukim Labu, Daerah Sepang dan dibawah pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang. Berdasarkan Draft RTD Sepang, jumlah keluasan keseluruhan Daerah Sepang adalah 56,160 hektar (tidak termasuk kawasan 3 batu nautikal dari tikas air surut), manakala keluasan KLIA adalah 9,844 hektar.

Kajian ini menyentuh bidang-bidang seperti berikut:

- Perancangan Bandar Lapangan Terbang (*Airport Cities*) dan Rekabentuk Bandar ;
- Fizikal, Gunatanah dan Pelan Susunatur (Integrasi Kemudahan Masyarakat) ;
- Kemudahan Rekreasi dan Lanskap ;
- Pengangkutan dan Lalulintas ;
- Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dan Penilaian Impak Sosial (SIA) ;
- Bekalan Air, Saliran, Sistem Pembentukan, Bekalan Elektrik, Bekalan Gas dan Utiliti Perbandaran ;
- Teknologi Hijau (*Green Technology*) ;
- Perancangan Lapangan Terbang (*Airport Planning*) ;
- Sistem Maklumat Geografi (GIS) ; dan
- Strategi dan Pelaksanaan Projek.

Jangka masa kajian adalah enam (6) bulan dan disediakan oleh pasukan perunding yang akan dilantik oleh Malaysia Airports Holdings Berhad.

Struktur organisasi kajian yang merangkumi jawatankuasa-jawatankuasa yang akan memberikan persetujuan, memantau dan menyelaras kajian adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS);
- Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Sepang ;
- Jawatankuasa Kerja ;
- Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal; dan
- Jawatankuasa Sisatan Dan Pendengaran Awam.





PENAMBAHBAIKAN ● URUSAN RUNDINGAN BAGI PROJEK - PROJEK JABATAN KERJA RAYA (JKR)

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.5/2009 yang bersidang pada 30hb. Oktober 2009 telah bersetuju:-

- i. Bersetuju supaya satu Jawatankuasa Teknikal JPN ditubuhkan bagi tujuan penambahbaikan urusan rundingan bagi projek-projek JKR di bawah Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172);
- ii. Bersetuju dengan cadangan ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal JPN; dan
- iii. Pengarah JPBD Negeri Selangor dan Pengarah UPBN adalah Pengerusi Bersama Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor.

LATAR BELAKANG

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara Bilangan 2 pada 30 April 2009, JKR telah membentangkan kertas kerja mengenai "Kelewatan Kelulusan Kebenaran Merancang Dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) - Isu Dan Cadangan Penyelesaian". Antara isu-isu yang dibangkitkan oleh JKR dalam mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:-

- i. PBT menyasarkan hanya Perancang Bandar Berdaftar layak mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang;
- ii. PBT menyasarkan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) disediakan semasa mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang;
- iii. Syarat-syarat mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang tidak konsisten;
- iv. PBT menyasarkan lukisan landskap disediakan oleh Arkitek Landskap dalam mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang; dan
- v. PBT menyasarkan kelulusan pelan bangunan diperolehi terlebih dahulu sebelum kerja pembinaan dimulakan.

Bagi mengatasi kelewatan kelulusan Kebenaran Merancang oleh PBT, JKR mencadangkan seperti berikut:-

- i. Pihak JKR dan orang-orang yang diberi kuasa boleh mengemukakan pemberitahuan pembangunan sahaja kepada PBT dan tidak perlu mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang; dan
- ii. Semua pembangunan projek Kerajaan boleh memulakan kerja sebaik sahaja pemberitahuan pembangunan kepada PBT.

Memorandum bertajuk "Penambahbaikan Urusan Perakuan Bagi Semua Projek Jabatan Kerja Raya Melalui Rundingan dan Pengecualian Kebenaran Merancang" telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009. Jemaah Menteri bersetuju:

- i. Supaya ditangguhkan keputusan ke atas Memorandum ini; dan
- ii. Supaya Memorandum ini diteliti dan dibincang dalam satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri yang dianggotai oleh Kementerian, kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, sebelum dibentangkan semula ke Mesyuarat Jemaah Menteri dan seterusnya ke MNKT.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Ogos 2009 telah menimbang dan bersetuju dengan cadangan penambahbaikan urusan rundingan dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) di bawah seksyen 20A, Akta 172 bagi projek-projek Kerajaan yang diurus dan diselia oleh Jabatan Kerja Raya.

Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan ke 62 (MNKT) pada 17 September 2009 telah menimbang dan bersetuju mengenai cadangan penambahbaikan urusan rundingan dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) di bawah seksyen 20A, Akta 172 bagi projek-projek Kerajaan yang diurus dan diselia oleh Jabatan Kerja Raya.

Seksyen 4, Akta 172 memperuntukkan bahawa JPN bertanggungjawab untuk mengawal selia, mengawal, merancang dan menyelaras aktiviti pemajuan di dalam negeri. JPN juga bertanggungjawab untuk menasihati kerajaan negeri mengenai pemuliharaan, penggunaan dan pemajuan tanah di dalam negeri.





CARTA ALIR URUSAN RUNDINGAN DENGAN JPN BAGI PROJEK-PROJEK KERAJAAN YANG DIURUS DAN DISELIA OLEH JKR



Nota:

- Pengarah JPBD Negeri selaku Setiausaha JPN setelah menerima senarai projek daripada pihak JKR, hendaklah mengadakan rundingan dalam tempoh tidak melebihi 14 hari.
- JKR hendaklah mengemukakan suratku (letter of undertaking) kepada JPN apabila projek hendak dilaksanakan.



MENIMBANGKAN CADANGAN KAEDAH-KAEDAH

- **CAJ PEMAJUAN,
AKTA PERANCANGAN
BANDAR DAN DESA
1976 (AKTA 172)**

BAGI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS
BANDARAYA PETALING JAYA

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.6/2009 yang bersidang pada 16hb. Disember 2009 telah bersetuju:-

- i. Terhadap Cadangan Kaedah-Kaedah Caj Pemasukan, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) untuk digunapakai bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ);
- ii. Kaedah-Kaedah Caj Pemasukan dimuktamadkan dan diwartakan sebelum bayaran Caj Pemasukan boleh dilaksanakan; dan
- iii. MBPJ menetapkan tabung amanah khas untuk tujuan ini.

LATAR BELAKANG

Bandar Petaling Jaya yang telah wujud lebih 50 tahun dahulu telah mengalami perubahan sejajar dengan kemajuan ekonomi dan sosial penduduknya. Industri yang dibina di kawasan Seksyen 51, Seksyen 51A dan Seksyen 13 lebih 50 tahun dahulu, tidak lagi sesuai untuk beroperasi disebabkan kesesakan lalu lintas dan aktiviti yang tidak bersesuaian. Rumah-rumah yang dibina lebih 50 tahun dahulu di kawasan Petaling Jaya Lama (*PJ Old Town*) sebahagiannya ditinggal terbiar.

Bagi mengelakkan 'urban decay' dan memastikan penggunaan sumber tanah secara optima di samping meningkatkan kualiti kehidupan bandar, kawasan-kawasan yang telah mengalami kemerosotan ini perlu dirancang semula gunatanah dan aktiviti.

Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 telah diwartakan pada 13hb. Mac 2003 (warta no.SEL.PU4). Walau bagaimanapun bayaran Caj Pemajuan tidak dapat dikenakan kepada pemilik tanah yang melaksanakan pemajuan mengikut Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 disebabkan ketiadaan Kaedah-kaedah Caj Pemajuan, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Mesyuarat Jawatankuasa **OSC pada 17hb Ogos 2009 telah memutuskan supaya Majlis menyediakan sendiri Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan** dan Tabung Kumpulan Wang Perkhidmatan (ISF) dengan mengambil contoh amalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ini adalah di atas keperluan menyediakan tabung khusus bagi kerja-kerja pembangunan infrastruktur ke arah menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang begitu kritikal di kawasan bandar Petaling Jaya.

Mesyuarat Penuh Majlis pada 18 September 2009 telah meluluskan Cadangan Kaedah-kaedah Caj Pemajuan, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) di Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.



TAFSIRAN

“Caj Pemajuan” merupakan satu bentuk kutipan wang berkaitan pemajuan yang diperuntukkan di bawah seksyen 32 Akta 172. Ianya **dilevi kepada pembangunan yang melibatkan kenaikan nilai tanah** berdasarkan Rancangan Tempatan yang diwartakan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Berdasarkan Seksyen 32 (1) Akta 172, tiga jenis perubahan yang boleh dikenakan caj pemajuan adalah seperti berikut:-


- Perubahan penggunaan tanah;
- Perubahan ketumpatan (kepadatan); dan
- Perubahan luas lantai.

Kumpulan wang bagi caj pemajuan ini boleh digunakan untuk maksud awam (pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam) termasuk pengambilan balik tanah.

CADANGAN KAEDAH-KAEDAH CAJ PEMAJUAN BAGI KAWASAN PENTADBIRAN MBPJ

- Kadar Caj Pemajuan**
Caj Pemajuan akan dikenakan terhadap pembangunan yang membabitkan kenaikan nilai tanah, hasil perubahan gunatanah, penambahan kepadatan kediaman serta pertambahan keluasan lantai berdasarkan **kaedah pengiraan 30% kenaikan nilai tanah** sebelum dan selepas pemajuan. **Hanya satu kadar seragam ini sahaja dicadangkan untuk digunapakai bagi memudahkan pelaksanaan.**
- Kawasan Litupan**
Syarat mengenakan Caj Pemajuan akan diwartakan untuk digunapakai **seluruh kawasan pentadbiran Majlis.**
- Kaedah Pelaksanaan**
Cadangan Kaedah-kaedah Caj Pemajuan menetapkan pemaju dibenarkan membuat **bayaran sebanyak 5 kali dalam tempoh kesahihan kelulusan pelan iaitu setahun.** Syarat membayar Caj Pemajuan ini akan dikenakan serentak dengan syarat membayar sumbangan kepada Tabung Kumpulan Wang Perkhidmatan yang akan dikendalikan oleh Jabatan Kejuruteraan Majlis.
- Jenis-jenis Pembangunan yang dikecualikan Caj Pemajuan**
 - Institusi;
 - Tanah lapang dan rekreasi; dan
 - Sebarang pemajuan yang tidak bermotifkan keuntungan.





• MENIMBANGKAN CADANGAN PENUBUHAN KUMPULAN WANG PERKHIDMATAN (ISF) BAGI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 6/2009 yang bersidang pada 16hb. Disember 2009 telah bersetuju:-

- i. Cadangan Penubuhan Kumpulan Wang Perkhidmatan (ISF) ini digunakan bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- ii. Pembangunan yang dikecualikan daripada ISF perlu diperhalusi dan dikaji semula terutama untuk semua pembangunan institusi pendidikan dan pembangunan bagi tujuan keagamaan dan kebajikan.

LATAR BELAKANG

Jabatan Kejuruteraan Majlis yang bertanggungjawab merancang dan membangunkan infrastruktur di kawasan Pentadbiran Majlis, seringkali menghadapi masalah untuk membuat pengiraan kos pembangunan yang perlu bagi meningkatkan infrastruktur dan utiliti. Seringkali pembangunan berkepadatan tinggi yang memberi impak yang besar kepada infrastruktur dan sistem lakulintas, tidak dikenakan syarat setimpal dari segi sumbangan bagi kos pembinaan infrastruktur dan utiliti awam.

Kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan juga tidak menetapkan syarat sumbangan kepada Tabung Pembangunan Infrastruktur ("Improvement Service Fund" – ISF) disebabkan oleh ketiadaan kaedah-kaedah berkaitan. Syarat bayaran sumbangan yang tidak ditetapkan jumlahnya menyebabkan permasalahannya membuat pembayaran terutamanya apabila jumlah bayaran sebenar dimaklumkan setelah Sijil Layak Menduduki (CDO) diberikan oleh Majlis.

Kumpulan Wang Perkhidmatan (Improvement Service Fund – ISF) disediakan mengikut Seksyen 132, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Kumpulan wang ini boleh digunakan untuk tujuan mencantik, membina atau menyusun atur sesuatu jalan, parit, penbetung, salur atau alur air.

CADANGAN PENUBUHAN KUMPULAN WANG PERKHIDMATAN (ISF) BAGI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

a. Kadar ISF Mengikut Jenis Pembangunan

Bil	Jenis Pembangunan	Kadar	
a.	Perumahan	Harga kurang daripada RM100,000.00: RM 250.00 seunit	Harga lebih daripada RM100,000.00: RM 500.00 seunit
b.	Perdagangan & Perusahaan	RM 500.00 setiap 1,000 kp luas	
c.	Institusi & Pelajaran	RM 250.00 setiap 1,000 kp Luas lantai kasar bangunan termasuk luas lantai ruang letak kereta dalam bangunan.	



b. Kaedah Pengiraan Mengikut Jenis Pembangunan

i. **Perumahan**

a. **Unit Kediaman Mewah**

(harga melebihi RM100,000.00)

Kadar sumbangan : RM500.00 seunit

b. **Unit Kediaman Kos Sederhana**

(harga kurang RM100,000.00)

Kadar sumbangan : RM250.00 seunit

ii. **Bangunan Perdagangan/Pejabat**

Kadar sumbangan : RM 500.00 setiap 1,000 kp luas lantai kasar bangunan termasuk luas lantai ruang letak kereta dalam bangunan

iii. **Perusahaan**

Kilang Jenis Teres dan Bertingkat

Kadar sumbangan : RM500.00 setiap 1,000 kp luas lantai kasar bangunan termasuk luas lantai ruang letak kereta dalam bangunan

iv. **Institusi dan Pelajaran**

Kegunaan institusi : Asrama, kelab belia, mahkamah, hospital, rumah kebajikan, bangunan kerajaan/separa kerajaan, arkib, suruhanjaya tinggi dan seumpamanya.

Kegunaan pelajaran : Institusi pengajian tinggi awam, institusi vokasional/teknik awam.

Kadar sumbangan : RM 250.00 setiap 1,000 kp
Luas lantai kasar bangunan termasuk luas lantai ruang letak kereta dalam bangunan.

c. **Pembangunan Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran ISF**

- i. Kediaman kos rendah (harga RM 42,000.00 dan kurang);
- ii. Bangunan yang diguna bagi tujuan ibadat dan keagamaan;
- iii. Pembangunan yang melibatkan tambahan dan perubahan kepada bangunan sediaada; dan
- iv. Pembangunan sekolah kerajaan dan sekolah bantuan penuh kerajaan.

Cara pembayaran ISF adalah secara pentadbiran (tiada kaedah-kaedah khusus yang ditetapkan) di mana sebahagian sumbangan hendaklah dibayar sebelum mendapat surat kelulusan Kebenaran Merancang dan sebahagian lagi selepas mendapat kelulusan perancangan.

Di samping membayar kepada tabung “Kumpulan Wang Perkhidmatan” (ISF), Pihak Pemaju masih tertakluk kepada amalan biasa di mana perlu menambahbaikkan infrastruktur di sekitar lotnya yang disyaratkan di dalam Kebenaran Merancang dan membayar caruman tertentu untuk pembangunan infrastruktur yang besar.

STATUS PEWARTAAN
• **TANAH LAPANG
AWAM NEGERI
SELANGOR**
SEHINGGA NOVEMBER 2009

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 6/2009 yang bersidang pada 16hb. Disember 2009 telah bersetuju: -

- i. Mengambil maklum mengenai status pewartaan tanah lapang awam Negeri Selangor sehingga November 2009; dan
- ii. Bersetuju untuk agensi-agensi berkaitan yang terlibat dalam proses pewartaan tanah lapang awam perlu mengambil langkah-langkah bagi mempercepatkan proses pewartaan dengan:-
 - a. Memohon kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Selangor (JUPM) untuk menyediakan pelan warta;
 - b. Memohon kerjasama Pentadbir Tanah Daerah menyemak serta menyediakan draf warta bagi tujuan pewartaan untuk dikemukakan ke Pejabat Tanah Dan Galian Selangor;
 - c. Memohon kerjasama Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor bagi membuat semakan draf pewartaan yang disediakan oleh Pejabat Tanah Dan Daerah;
- iii. Semua PBT hendaklah mengemukakan semua tanah lapang awam bagi tujuan pewartaan kepada UPEN untuk pelaporan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 1/2010; dan
- iv. Bersetuju segala maklumat status pewartaan tanah lapang awam Negeri Selangor dari Januari - November 2009 dikemukakan ke MPFN untuk tujuan pemantauan.

**KEDUDUKAN KEMAJUAN TANAH LAPANG AWAM MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN
NEGERI SELANGOR JANUARI – NOVEMBER 2009**

NEGERI/PBT	Tanah Lapang Awam Mengikut Status (Ekar)						Anggaran Luas Tanah Lapang (A+B+C) Ekar	
	Telah Diwartakan (A)		Dalam Proses (B)		Belum Diwartakan (C)			
	Bil Kaw.	Anggaran Luas (Ekar)	Bil Kaw.	Anggaran Luas (Ekar)	Bil Kaw.	Anggaran Luas (Ekar)		
SELANGOR								
MB Shah Alam	285	498.75	35	61.25	36	63.00	623.00	
MB Petaling Jaya	274	479.50	190	332.50	0	0	812.00	
MP Subang Jaya	123	215.25	149	260.75	0	0	476.00	
MP Klang	246	430.50	170	297.50	16	28	756.00	
MP Ampang Jaya	540	945.00	32	56.00	21	36.75	1037.75	
MP Kajang	1422	2488.50	0	0	0	0	2488.50	
MP Selayang	59	103.25	48	84.00	48	84.00	271.25	
MP Sepang	71	124.25	43	75.25	168	294.00	493.50	
MD Kuala Langat	127	222.25	16	28.00	0	0	250.25	
MD Hulu Selangor	35	61.25	2	3.50	2	3.50	68.25	
MD Kuala Selangor MD Sabak Bernam Luar PBT (JPBD)	15	26.25	35	61.25	1	1.75	89.25	
	28	49.00	0	0	0	0	49.00	
	MP Sepang	0	0	0	0	9	15.75	15.75
	MDKL	0	0	10	17.50	45	78.75	96.25
	MDSB	0	0	2	3.50	6	10.50	14.00
MDHS	0	0	4	7.00	13	22.75	29.75	
MDKS	0	0	0	0	13	22.75	22.75	
JUMLAH	3225	5643.75	736	1288.00	378	661.50	7593.25	
* Peratusan (%)		74.33%		16.96%		8.71%		

Nota: Ruang (A), (B) dan (C) adalah data tanah lapang awam yang direkodkan bagi tempoh Januari hingga November 2009 dalam tahun tersebut sahaja

Teloh Diwartakan

Teloh siap kelulusan pewartaan oleh Y.A.B Menteri Besar atau telah mendapat Pelan Akui atau telah mendapat No. Warta

Dalam Proses

Teloh mendapat kelulusan MMKN atau telah dihantar ke Pejabat Daerah/Tanah untuk penyediaan kertas ringkasan teknikal

Belum Diwartakan

Kawasan lapang yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) iaitu Pihak Berkuasa Tempatan atau JPBD Negeri atau tanah yang tidak dilakukan sebarang proses bagi pewartaan



BILANGAN KERTAS YANG DIBENTANG KE MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR TAHUN 2009

BIL	MESYUARAT	BILANGAN KERTAS YANG DIBENTANG				JUMLAH
		Dasar/Garis Panduan	Rancangan Pemajuan	Pengawalan Perancangan	Arahan/ Makluman	
1.	JPNS Bil. 1/2009 17hb Februari 2009	-	1	6	1	8
2.	JPNS Bil. 2/2009 21hb April 2009	1	1	6	1	9
3.	JPNS Bil. 3/2009 16hb Jun 2009	1	6	9	2	18
4.	JPNS Bil. 4/2009 1hb September 2009	1	-	1	-	2
5.	JPNS Bil. 5/2009 30 Oktober 2009	-	4	1	5	10
6.	JPNS Bil. 6/2009 6 Disember 2009	2	2	-	2	6
JUMLAH		5	14	23	11	53

TAKWIM MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010

BIL	TARIKH	MASA	TEMPAT
1.	02.02.2010 (Selasa)	2.00 petang	Bilik Persidangan Tingkat 18, JPBD Negeri Selangor
2.	20.04.2010 (Selasa)	10.00 pagi	Bilik Persidangan Tingkat 18, JPBD Negeri Selangor
3.	22.06.2010 (Selasa)	10.00 pagi	Bilik Persidangan Tingkat 18, JPBD Negeri Selangor
4.	17.08.2010 (Selasa)	10.00 pagi	Bilik Persidangan Tingkat 18, JPBD Negeri Selangor
5.	19.10.2010 (Selasa)	10.00 pagi	Bilik Persidangan Tingkat 18, JPBD Negeri Selangor
6.	14.12.2010 (Selasa)	10.00 pagi	Bilik Persidangan Tingkat 18, JPBD Negeri Selangor

SENARAI KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANG DI MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR TAHUN 2009

BIL. MESYUARAT TARIKH	TAJUK KERTAS
Bil. 1/2009 17 Februari 2009	1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/1/2009 Rancangan Kawasan Khas Kampung Jawa, Daerah Klang.
	2. KERTAS JPN SEL. BIL. 2/1/2009 Cadangan Pelan Induk Strategik Bandar Wawasan Selangor (Selangor Vision City), Mukim Sungai Buloh, Mukim Damansara Dan Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling Dan Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
	3. KERTAS JPN SEL. BIL. 3/1/2009 Cadangan Pindaan Zoning Gunatanah Dalam Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor (No. Warta 1676): Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Pembangunan Perindustrian Dan Perniagaan Di Atas Lot 6229 Dan 6230, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.
	4. KERTAS JPN SEL. BIL. 4/1/2009 Cadangan Pembangunan (Non-Aeronautikal) Kawasan Lapang Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Mukim Labu, Daerah Sepang Untuk Tetuan Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB).
	5. KERTAS JPN SEL. BIL. 5/1/2009 Cadangan Pembangunan Pusat Pelancongan Dengan Kemudahan Di Atas Lot PT 9113, PT 9114, PT 9115, PT 99116, PT 9917 Dan PT 9118 Tanah Kerajaan (Simpanan Jalan Dan Utiliti) Dan Lot 5722, Mukim Sepang, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Sepang Goldcoast Sdn. Bhd.
	6. KERTAS JPN SEL. BIL. 6/1/2009 Cadangan Pembangunan Bercampur Di Pekan Pasir Penambang Melalui Menyerah Balik Dan Memberi Milik Semula Tanah Lot 14, 15, 27, 32, 469, 474, 617, 618, 619, 620 Dan 655 Mukim Kuala Selangor Dan Kampung Pasir Penambang, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan Mengikut Seksyen 204D Kanun Tanah Negara.
	7. KERTAS JPN SEL. BIL. 7/1/2009 Cadangan Projek Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR) Seksyen Timur Secara Penswastaan.
	8. KERTAS JPN SEL. BIL. 8/1/2009 Perkara-Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian Oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

**BIL. MESYUARAT
TARIKH**

TAJUK KERTAS

Bil. 2/2009
21 April 2009

1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/2/2009
Pemantapan Pelaksanaan Unit Pusat Setempat (OSC) Di setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.
2. KERTAS JPN SEL. BIL. 2/2/2009
Cadangan Kajian Pindaan Nisbah Plot, Kepadatan Dan Had Maksima Bilangan Tingkat Bangunan Bagi Pembangunan Di Negeri Selangor. Kajian Kes: Majlis Perbandaran Subang Jaya.
3. KERTAS JPN SEL. BIL. 3/2/2009
Menimbang Cadangan Asas Rujukan Bagi Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) 1,2,3 Dan 4 Petaling Jaya.
4. KERTAS JPN SEL. BIL. 4/2/2009
Cadangan Pembangunan Bercampur Perumahan, Perniagaan Dan Perindustrian Dan Di Atas Sebahagian Lot 34021, 34022, 34023 Dan 34026, Bandar Bukit Raja, Mukim Kapar Daerah Klang – Pindaan Ke Atas Pelan Kelulusan Asal Bil. MPK/KU1/2001C Dan MPK/KU/43/2008 Dan Keperluan Pindaan Rancangan Tempatan Klang (2002 – 2015).
5. KERTAS JPN SEL. BIL. 5/2/2009
Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21 Akta 172 Bagi Pelan Pindaan Kepada Pelan Tatatur Yang Diluluskan Pada 28 Mac 1996 (Ruj. Pelan: (20) DIm PTUS 3B/16/95) Bagi Tujuan Pembangunan Sebuah Resort Golf 18 Lubang Di Atas Lot 2746, 2747, 2748, 2749, 2750 Dan 2849 Untuk Tetuan PRS Homes Sdn. Bhd.
6. KERTAS JPN SEL. BIL. 6/2/2009
Kertas Perakuan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Induk Di Bukit Serai, Mukim Rawang, Daerah Gombak Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan TPPT Sdn Bhd.
7. KERTAS JPN SEL. BIL. 7/2/2009
Cadangan Tindakan-Tindakan Yang Patut Diambil Untuk Tanah Tasik Subang Ria Di Atas Lot 17934, SS 12, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Sime UEP Sdn. Bhd.
8. KERTAS JPN SEL. BIL. 8/2/2009
Konsep Pembangunan Setia City Berkonsepkan “International Zone” Di Bandar Setia Alam.
9. KERTAS JPN SEL. BIL. 9/2/2009
Permohonan Kebenaran Merancang Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Bawah Seksyen 204d Kanun Tanah Negara Di Atas PT 11010, PT 11013, PT 11015, PT 11019, PT 11020, PT 11021, PT 11022, PT 11024, PT 11025, PT 11031, PT 11032 Dan Sebahagian Tanah Kerajaan Yang Seluas 448.803 Ekar Di Mukim Serendah Untuk Tetuan Permodalan YBK Sdn. Bhd.

**BIL. MESYUARAT
TARIKH**

TAJUK KERTAS

Bil. 3/2009
16 Jun 2009

1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/3/2009
Permohonan Persetujuan Jawatankuasa Mengenai Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Terhadap Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020.
2. KERTAS JPN SEL. BIL. 2/3/2009
Permohonan Persetujuan Jawatankuasa Mengenai Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Terhadap Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang 2020.
3. KERTAS JPN SEL. BIL. 3/3/2009
Permohonan Persetujuan Jawatankuasa Mengenai Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Terhadap Draf Rancangan Tempatan Majlis Daerah Hulu Selangor 2020.
4. KERTAS JPN SEL. BIL. 4/3/2009
Permohonan Persetujuan Jawatankuasa Mengenai Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Terhadap Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020.
5. KERTAS JPN SEL. BIL. 5/3/2009
Permohonan Persetujuan Jawatankuasa Mengenai Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Terhadap Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang 2020.
6. KERTAS JPN SEL. BIL. 6/3/2009
Asas Rujukan Rancangan Kawasan Khas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).
7. KERTAS JPN SEL. BIL. 7/3/2009
Cadangan Pembangunan Perindustrian Dan Perniagaan Di Atas Lot PT 60773, PT 60775 Hingga PT 61999, PT62016 Hingga PT 62923 Dan PT 43139 Hingga PT 45792 Mukim Kapar Daerah Klang – Pindaan Ke Atas Pelan Kelulusan Asal Bil. MPK/KU 75b/2002 Dan MPK/KU 83/2007.
8. KERTAS JPN SEL. BIL. 8/3/2009
Cadangan Menaiktaraf Surau Al-Islamiah, Taman Nirwana Fasa II, Mukim Ampang, Selangor Darul Ehsan Kepada Status Masjid Dan Tapak Tambahan Seluas 1.66 Ekar Milik Kerajaan Negeri Selangor Sebagai Sebahagian Tapak Pembangunan Masjid.
9. KERTAS JPN SEL. BIL. 9/3/2009
Cadangan Pemajuan Di Bawah Seksyen 22(2A)(a) Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172):
Permohonan Kebenaran Merancang Secara Serahbalik Dan Kurnia Semula Di Bawah Seksyen 204A Kanun Tanah Negara Di Atas Sebahagian Lot 1196 Dan 5319 (Geran 44133) (PT 27691, PT 27692, PT 27693, PT 27694, PT 27699, PT 27700, PT 27701, PT 27300) Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan I & P Menara Sdn. Bhd.

**BIL. MESYUARAT
TARIKH**

TAJUK KERTAS

10. KERTAS JPN SEL. BIL. 10/3/2009
Cadangan Pemajuan Di Bawah Seksyen 22(2A)(a) Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172):
Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Bercampur Di Bawah Seksyen 204 D KTN Di Atas Lot 246, 300, 660-663, 1028, 1029, 1070 dan Lot 1127 Dan Sebahagian Tanah Kerajaan (Lot 1069 Dan Sebahagian Rezab Jalan Seluas 2.72 Ekar), Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Srijang Kemajuan Sdn. Bhd.

11. KERTAS JPN SEL. BIL. 11/3/2009
Rayuan Permohonan Kebenaran Merancang Cadangan Pembangunan Satu Blok Bangunan Pejabat 9 Tingkat Berserta 2 Tingkat Sub Basemen Tempat Letak Kereta Di Atas Sebahagian Lot 22395, Persiaran Perpaduan, USJ 6, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Bagi Pemohon Tetuan Pujangga Budiman Sdn. Bhd.

12. KERTAS JPN SEL. BIL. 12/3/2009
Template Seragam Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci Agensi Teknikal Luaran Untuk Proses Kelulusan Pemajuan Melalui Unit Pusat Setempat (OSC).

13. KERTAS JPN SEL. BIL. 13/3/2009
Projek Pemuliharaan dan Pembersihan Sungai Klang.

14. KERTAS JPN SEL. BIL. 14/3/2009
Cadangan Pemajuan Di Bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172): Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21, Akta 172 Bagi Cadangan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Di Atas Tanah Kerajaan Seluas 150 Ekar (60.703 Hektar), Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Worldwide Holdings Sdn. Bhd.

15. KERTAS JPN SEL. BIL. 15/3/2009
Cadangan Kajian Menangani Isu Dan Masalah Pembangunan Pangsapuri Perkhidmatan (Service Apartment) Di Negeri Selangor.
Kajian Kes: Majlis Perbandaran Subang Jaya

16. KERTAS JPN SEL. BIL. 16/3/2009
Status Pewartaan Tanah Lapang Awam Negeri Selangor Sehingga Mei 2009.

17. KERTAS JPN SEL. BIL. 17/3/2009
Cadangan Projek Sambungan LRT Laluan Ampang (AMG) Oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad.

18. KERTAS JPN SEL. BIL. 18/3/2009
Cadangan Projek Sambungan LRT Laluan Kelana Jaya (KLJ) Oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad.

BIL. MESYUARAT TARIKH	TAJUK KERTAS
Bil. 4/2009 1 September 2009	1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/4/2009 Cadangan Untuk Membatalkan Pengenaan Bayaran Caruman Infrastruktur Sosial Bagi Pembangunan Melebihi 1 Hingga Kurang 5 Ekar Dalam Negeri Selangor.
	2. KERTAS JPN SEL. BIL. 2/4/2009 Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pembangunan Loji Pembersihan Langat 2 Dan Pengagihan Air Di Selangor Darul Ehsan/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Loji Pembersihan Air Langat 2, Kolam Imbangan Hulu Langat, Kolam Air Sungai Besi, Outlet Portal Dan Tapak Pelupusan Enapan) Di Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Oleh Tetuan Pengurusan Aset Air Berhad.
Bil. 5/2009 30 Oktober 2009	1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/5/2009 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Terhadap Bantahan Dan Cadangan Yang Diterima Daripada Orang Awam Ke Atas Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Kuala Kubu Bharu 2015 Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.
	2. KERTAS JPN SEL. BIL. 2/5/2009 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan (DRT) Majlis Bandaraya Shah Alam 2020 Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.
	3. KERTAS JPN SEL. BIL. 3/5/2009 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan (DRT) Majlis Perbandaran Subang Jaya 2020 Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.
	4. KERTAS JPN SEL. BIL. 4/5/2009 Cadangan Asas Rujukan Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Taman Bukit Serdang, Seri Kembangan, Mukim Petaling, Daerah Petaling.
	5. KERTAS JPN SEL. BIL. 5/5/2009 Rayuan Permohonan Pemberimilikan Tanah Oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) Untuk Tanah Perkuburan Di Atas Lot 1147, Mukim Hulu Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
	6. KERTAS JPN SEL. BIL. 6/5/2009 Permohonan Pemberimilikan Tanah Bagi Tujuan Pembangunan Di Atas Air Dan Dasar Laut: Pengalaman Di Negeri Perak Darul Riduan Dan Negeri Kedah Darul Aman.
	7. KERTAS JPN SEL. BIL. 7/5/2009 Status Kemajuan Pewartaan Yang Dilaksanakan Di Bawah Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999.
	8. KERTAS JPN SEL. BIL. 8/5/2009 Laporan Kemajuan Pelaksanaan Petunjuk Bandar Mampan (MURNInet) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

**BIL. MESYUARAT
TARIKH**

TAJUK KERTAS

- | | |
|---------------------------------|--|
| | 9. KERTAS JPN SEL. BIL. 9/5/2009
Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program Bandar Selamat Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. |
| | 10. KERTAS JPN SEL. BIL. 10/6/2009
Penambahbaikan Urusan Rundingan Bagi Projek-Projek Jabatan Kerja Raya. |
| Bil. 6/2009
16 Disember 2009 | 1. KERTAS JPN SEL. BIL. 1/6/2009
Ucapan Perasmian Dan Ucaptama Bertajuk 'Setting The Local Context- Urban Regeneration In Selangor' Oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Abd Khalid Bin Ibrahim, Menteri Besar Negeri Selangor International Conference Urban Regeneration - Towards Selangor's Sustainable Future. |
| | 2. KERTAS JPN SEL. BIL. 2/6/2009
Menimbang Cadangan Kaedah-Kaedah Caji Permajuan, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya. |
| | 3. KERTAS JPN SEL. BIL. 3/6/2009
Menimbang Cadangan Penubuhan Kumpulan Wang Perkhidmatan (ISF) Bagi Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya. |
| | 4. KERTAS JPN SEL. BIL. 4/6/2009
Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Terhadap Bantahan Dan Cadangan Yang Diterima Daripada Orang Awam Ke Atas Draft Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13, Petaling Jaya Dan Pewartannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri. |
| | 5. KERTAS JPN SEL. BIL. 5/6/2009
Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Terhadap Bantahan Dan Cadangan Yang Diterima Daripada Orang Awam Ke Atas Draft Rancangan Kawasan Khas Bandar Pelabuhan Klang Dan Pewartannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri. |
| | 6. KERTAS JPN SEL. BIL. 6/6/2009
Status Pewartan Tanah Lapang Awam Negeri Selangor Sehingga November 2009. |

www.jpbdselangor.gov.my



Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40646 Shah Alam, Selangor